

**NO. DOKUMEN: PKPPP-AK06  
PENGAMBILAN X-RAY**

**TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN**

<b>TANGGUNGJAWAB</b>	<b>TINDAKAN</b>
PP/JPP/JPO/PPP	<p><b>Mengambil X-Ray</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Pastikan bahagian mulut yang hendak di X-Ray.</li><li>2. Pilih jenis filem X-Ray yang sesuai.</li><li>3. 'On' suis mesin X-Ray dan pastikan ia berfungsi.</li><li>4. Pilihkan program X-Ray yang sesuai mengikut bahagian mulut.</li><li>5. Tempatkan pesakit di atas kerusi</li><li>6. Pasangkan apron pelindung sinaran X-Ray di atas pesakit.</li><li>7. Letakkan filem X-Ray disebelah bahagian mulut yang hendak di X-Ray dan pastikan filem kekal pada tempat tersebut.</li><li>8. Tujukan tiub X-Ray dengan betul ke atas bahagian mulut berkenaan .</li><li>9. Minta pesakit supaya jangan bergerak-gerak.</li><li>10. Tekankan butang untuk memulakan pancaran sinaran X-Ray.</li><li>11. Keluarkan filem dari mulut pesakit.</li><li>12. Minta pesakit menanggalkan apron pelindung sinaran X-Ray.</li><li>13. Minta pesakit menunggu diluar bilik X-Ray/surgeri.</li><li>14. Padamkan mesin X-Ray.</li><li>15. Cuci filem.</li></ol> <p><b>PENYELENGGARAAN MESIN X-RAY</b></p> <p>Penyelenggaraan mesin X-Ray dilakukan sekali setahun oleh pihak pembekal.</p>

**NO. DOKUMEN: PKPPP-AK06  
PENGAMBILAN X-RAY**

**TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN**

<b>TANGGUNGJAWAB</b>	<b>TINDAKAN</b>
PP/JPP/JPO/PPP	<p><b>Mencuci Filem:</b></p> <p><b>Untuk jenis X-Ray yang biasa, Kodak Ektaspeed:</b></p> <p>16. Pastikan larutan 'developer' dan 'fixer' adalah mencukupi dan tidak melebihi tarikh luput.</p> <p>17. Masukkan filem X-Ray ke dalam 'Portable Dark Room' dan keluarkan filem dari pembalut plastik.</p> <p>18. Cuci filem dalam 'developer' dan 'fixer' mengikut cara dan masa yang betul.</p> <p>19. Keluarkan filem dari 'Portable Dark Room' dan cuci dengan air paip yang mengalir, kemudian keringkan X-Ray yang siap dan serahkan kepada Pegawai Pergigian.</p>
PP/JPP/JPO/PPP	<p><b>Untuk X-Ray Instant Hanshin:</b></p> <p>20. Keluarkan 10-15ml. 'developer' dengan menggunakan syringe.</p> <p>21. Picitkan dan keluarkan 'developer' dengan memasukkan hujung 'syringe' ke sudut pembalut plastik X-Ray.</p> <p>22. Pastikan ia menutupi filem X-Ray dengan menekan perlahan balutan plastik.</p> <p>23. Cuci filem mengikut masa yang ditetapkan oleh pembekal.</p> <p>24. Buka penutup plastik dan buang 'developer'.</p> <p>25. Bilas filem dengan air paip yang mengalir.</p> <p>26. Keringkan X-Ray yang siap dan serahkan kepada Pegawai Pergigian</p>

**NO. DOKUMEN: PKPPP-AK06  
PENGAMBILAN X-RAY**

**TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN**

<b>TANGGUNGJAWAB</b>	<b>TINDAKAN</b>
PP/JPP/JPO/PPP	27. Setelah dipastikan X-Ray adalah memuaskan, letakkan label pada X-Ray dengan maklumat : initial pesakit, tarikh dan 4 angka hujung kad pengenalan.
PP/JPP/JPO/PPP	28. Simpan X-Ray selepas rawatan dalam sampul plastik yang telah ditulis nama pesakit dan kepilkan pada kad rawatan.
PP/JPP/JPO/PPP	29. Masukkan Laporan Analisa Kadar Penolakan Filem X-ray di dalam Borang KKM/1/2003 setiap bulan.
PP/JPP/JPO/PPP	30. Masukkan data Kadar Penolakan Filem x-ray di dalam sistem eRadia setiap bulan dan laporan dicetak setiap 3 bulan. (Jan-Mac/ Jan-Jun/ Jan-Sept/ Jan- Dis)